

CONTOH LAPORAN KEPADA SPRM

Saya, (nama) dengan nombor kad pengenalan (no KP) ingin membuat satu laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas satu urusniaga yang melibatkan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak yang saya syak telah melanggar Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Berikut adalah maklumat yang telah diketahui umum mengenai urusniaga tersebut:

- I. Pada 7 Julai 2015, akhbar antarabangsa The Wall Street Journal telah menyiarkan dokumen-dokumen yang menjadi bukti bagaimana sejumlah USD700 juta telah dipindahkan ke akaun peribadi milik Dato' Seri Najib Tun Razak. Dokumen-dokumen tersebut termasuklah slip-slip pemindahan wang dari Falcon Private Bank ke akaun peribadi Dato' Seri Najib Tun Razak dan slip-slip pemindahan wang dari SRC International ke akaun-akaun lain sebelum dipindahkan ke akaun peribadi Dato' Seri Najib Tun Razak.

2. Sejak dokumen-dokumen itu disiarkan, Dato' Seri Najib Tun Razak tidak pernah menafikan bahawa wang sejumlah USD700 juta itu dipindahkan ke akaun peribadi beliau.
3. Pada 3 Ogos 2015, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengeluarkan kenyataan bahawa sejumlah RM2.6 bilion yang dipindahkan ke akaun peribadi Dato' Seri Najib Tun Razak adalah sumbangan derma kepada beliau dan bukanlah dana dari 1MDB.
4. Seksyen 3 Akta SPRM 2009 menetapkan bahawa pemberian derma juga ditakrifkan sebagai suapan sekiranya ia bagi tujuan mendapat balasan.
5. Seksyen 50 Akta SPRM 2009 menetapkan bahawa sekiranya sesuatu suapan telah dibuktikan diterima, ia hendaklah dianggap sebagai satu dorongan atau upah bagi satu kelakuan rasuah seperti yang didakwa.
6. Oleh yang demikian, kenyataan SPRM bahawa telah berlaku satu suapan dalam bentuk derma sebanyak RM2.6 bilion kepada Dato' Seri Najib Tun Razak hendaklah disiasat sebagai satu kelakuan rasuah mengikut Seksyen 3 dan Seksyen 50 Akta SPRM 2009.

Saya dengan ini menyatakan bahawa maklumat-maklumat ini adalah benar setakat pengetahuan saya dan telah diperolehi dari media dan kenyataan umum SPRM. Saya membuat laporan ini untuk melaksanakan tanggungjawab saya sebagai rakyat Malaysia yang sayangkan negara ini.

Sekian.